

Pelepasan cukai manfaat ibu bekerja

vm 25/10

GOLONGAN wanita bekerja merupakan antara golongan individu yang paling berasa lega apabila Bajet 2017 baru-baru ini memperuntuk beberapa pengumuman menggembirakan. Ini termasuk pemberian pelepasan cukai kepada pembelian peralatan penyusuan serta pelepasan cukai untuk individu yang menghantar anak berumur enam tahun ke bawah ke taman asuhan kanak-kanak dan prasekolah berdaftar.

Walaupun masih banyak lagi peruntukan lain yang diberikan misalnya dalam pembiayaan, pinjaman, perumahan dan bantuan pendidikan, namun sudah pasti dua isu itu merupakan antara hadiah istimewa buat golongan ibu.

Bagi Pengerusi Persatuan Penyokong Pengurusan Susu Ibu Negeri Terengganu (Persint), **Dr. Noralaswati Razak** menyifatkan pengumuman itu satu kelegaan buat golongan ibu memandangkan mereka merupakan antara golongan yang sering terbeban dan berdepan cabaran dalam menjaga keluarga.

Jelasnya, pemberian

pelepasan cukai sebanyak RM1,000 bagi pembelian peralatan penyusuan ibu diberi setiap dua tahun sekali mulai tahun taksiran 2017 itu merupakan langkah efektif untuk membantu wanita berkeluarga untuk proaktif dalam kerjaya.

“Sebenarnya di negara-negara maju seperti di Amerika Syarikat, insentif pelepasan cukai untuk peralatan penyusuan serta mewujudkan kumpulan sokongan penyusuan ibu di tempat kerja telah lama dilaksanakan.

“Ini kerana mengikut kajian yang dilakukan, ibu-ibu menyusukan bayi secara eksklusif selama enam bulan dan sehingga dua tahun kurang mengambil cuti sakit.

“Ini kerana bayi yang disusukan dengan susu ibu mempunyai antibodi yang kuat dan sukar untuk jatuh sakit sekali gus membantu ibu bekerja dengan efektif di

tempat kerja,” katanya.

Tambah Dr. Noralaswati yang juga merupakan Pakar Bius Hospital Sultanah Nur Zahirah, Terengganu, selain mengurangkan beban kewangan, pemberian pelepasan cukai

itu juga membantu golongan ibu dari segi psikologi apabila berdepan dengan pelbagai cabaran untuk menyusukan bayi.

Antaranya, cabaran golongan ibu bekerja yang perlu kembali bertugas selepas dua atau tiga bulan cuti bersalin, memperuntuk sejumlah wang untuk membeli peralatan menyusui selain perlu

mendapat sokongan majikan di tempat kerja.

“Kebanyakan ibu menyusui pasti mengalami kesukaran untuk mengepam susu di pejabat kerana sesetengah majikan tidak memperuntuk masa atau tempat yang sesuai untuk mereka menyimpan stok



DR. NORALASWATI RAZAK

perahan susu.

“Dengan pemberian pelepasan cukai ini, kita harap lebih banyak majikan yang prihatin kepada golongan ibu bapa pada masa yang sama bagi melahirkan pekerja yang berdedikasi,” jelasnya.

Menurut Dr. Noralaswati, pelepasan cukai sehingga RM1,000 diberikan kepada pembayar cukai individu yang menghantar anak berumur enam tahun dan ke bawah, ke taman asuhan dan prasekolah berdaftar juga memberi banyak manfaat kepada golongan ibu bapa.

Tambahnya, pemberian pelepasan itu akan menggalakkan ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke taska berdaftar, sekali gus mampu membantu menyediakan kemudahan taska yang selamat.

“Misalnya di Terengganu, kita ada taska Yayasan Pembangunan Keluarga di mana guru-guru telah dilatih untuk mengendalikan susu perahan ibu, jadi tidak timbul sesetengah taska yang enggan menerima susu perahan ibu untuk diuruskan,” jelasnya.

- SITI AIRUNNISA ALAUI